



Nestlé Good food, Good life

# Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 5 April 2024

## Menambat Selera Rakyat Malaysia dengan Kebaikan Berasaskan Tumbuhan Terbaharu dari Nestlé

**PETALING JAYA, 5 April 2024** – Lebih ramai rakyat Malaysia kini sedar bahawa mereka mempunyai pilihan untuk menikmati minuman berkhasiat yang tidak terhad kepada produk tenusu. Dalam usaha untuk memenuhi pilihan pemakanan yang kian berubah, Nestlé GOODNES menunjukkan bagaimana minuman berasaskan protein tumbuhan semakin mendapat perhatian dengan pilihan lazat yang ditawarkannya.

Diperkenalkan baru-baru ini oleh Nestlé Malaysia sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menawarkan makanan dan minuman berasaskan tumbuhan yang lebih berpatutan dan mudah didapati oleh rakyat Malaysia, rangkaian Nestlé GOODNES yang diperakui Halal dan sesuai untuk golongan *vegan*, memenuhi segala ciri-ciri minuman protein berasaskan tumbuhan yang sungguh lazat. Memanfaatkan khasiat badam dan oat yang baik untuk kesihatan, rangkaian minuman Nestlé GOODNES bebas laktosa, menjadikannya sesuai untuk amalan diet yang semakin fleksibel di kalangan pengguna.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Minuman berasaskan protein tumbuhan merupakan pengganti susu tenusu yang baik khususnya bagi pengguna yang menitikberatkan kesihatan dan dengan keperluan dietari spesifik, lebih-lebih lagi dengan rasanya yang lazat. Kami terus konsisten dalam meluaskan tawaran produk selepas mempertimbangkan keperluan rakyat Malaysia, dan dengan rangkaian Nestlé GOODNES, orang ramai kini mempunyai lebih banyak pilihan. Malah lebih penting lagi, pemakanan yang sewajarnya penting bagi umat Islam yang sedang menjalani ibadah puasa pada bulan Ramadan, memandangkan minuman dan makanan

berasaskan protein tumbuhan turut menyumbang kepada kepelbagaian dan keseimbangan dalam diet.”

Rangkaian ini boleh didapati dalam dua perisa lazat dan menyelerakan – Oat Tanpa Tenusu dan Badam & Oat Tanpa Tenusu, buatan Malaysia dengan oat dan badam. Daya tarikan utama Nestlé GOODNES ialah kemanisan semulajadi daripada oat terhidrolisis dan tanpa gula tambahan (sukrosa). Formula unik ini juga membekalkan kebaikan mikronutrien seperti kalsium dan Vitamin D yang membantu pembentukan tulang kuat dan Vitamin B2 dan B3 untuk membantu pembebasan tenaga daripada makanan.

Dengan ciri serba guna dan harga yang berpatutan, Nestlé GOODNES boleh dinikmati dan digunakan dalam kehidupan harian kita untuk memenuhi pelbagai keperluan. Anda boleh menikmati kelazatan rasanya yang tersendiri, ditambah kepada minuman panas atau sejuk dan bijirin, dan juga digunakan dalam masakan.

Pilihan produk Halal tanpa tenusu Nestlé juga termasuk versi MILO Tanpa Tenusu dan NESCAFÉ Tanpa Tenusu bagi mereka yang suka menikmati minuman asli tetapi lebih cenderung memilih protein berasaskan tumbuhan.

“Dengan Nestlé GOODNES dan minuman berasaskan protein tumbuhan kami yang lain, rakyat Malaysia boleh mendapatkan pilihan yang terbaik setiap kali mereka menghirup minuman kegemaran mereka, sambil kami membantu pengguna membuat pilihan bijak yang mencerminkan gaya hidup dan keprihatinan mereka terhadap alam sekitar,” tambah En. Aranols.

Untuk maklumat lanjut mengenai Nestlé GOODNES, sila layari <https://www.dearnestle.com.my/brand-story/nestle-goodnes>

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000

orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Bimbit: +6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)